

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

SOALAN

TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk membantu para petani ketika harga lada serta getah yang agak lemah. Apakah subsidi yang akan diberikan kepada mereka.

JAWAPAN

Kementerian masih meneruskan bantuan kepada pekebun kecil lada yang sedang berdepan dengan situasi kejatuhan harga buat masa ini. Sehubungan itu, Kementerian melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) menyediakan Skim Tanaman Baharu Lada yang berjumlah RM26,000 sehektar bagi tempoh dua tahun. Melalui skim ini pekebun dibekalkan dengan input pertanian seperti baja, *dolomite*, insentif berbentuk tunai bagi keratan dan tiang sokongan serta khidmat nasihat teknikal;
- (ii) menyediakan Skim Peningkatan Kualiti Lada Peringkat Ladang untuk membantu pekebun kecil meningkatkan kualiti lada premium seperti Lada Berkualiti Eksport (LBE) dan Lada Putih Krim (LPK) bagi mendapatkan harga yang lebih lumayan; dan
- (iii) menyediakan kemudahan lepas tuai seperti pengipas, pelerai, *spiral separator*, pelantar jemuran, tangki rendaman dan bahan binaan untuk empangan kecil anak sungai.

Bagi komoditi getah, Kementerian juga telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (a) menambah baik pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dengan kenaikan Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG daripada RM2.20 kepada RM2.50 sekilogram getah sekerap;
- (b) menambah baik Pelaksanaan Mekanisme Penetapan Harga di Ladang dengan memperkasa peranan koperasi sebagai pembeli getah. Menerusi langkah ini, lapisan pembeli akan dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan harga pembelian getah pada peringkat ladang (*Farm Gate Price*);
- (c) meningkatkan penggunaan getah dalam negara bagi mengukuhkan harga getah jangka sederhana dan panjang. Ini termasuk penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baru dan bernilai tambah berasaskan getah seperti *seismic bearing*, sarung tangan getah dan lain-lain; dan
- (d) mengukuhkan harga getah serta pengeluaran dan penanaman getah jangka panjang menerusi platform *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) yang telah bersetuju untuk mengehadkan kuota eksport getah melalui mekanisme *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) yang Ke-6 kepada 240,000 tan mulai 1 April 2019 selama empat bulan.

Sekian terima kasih.